

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: Sunday, 14 May, 2017 11:05 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: Pasukan Bola Tampar Wanita Johan Di Kejohanan Liga Sukan Untuk Semua (LISUS) 2017



14 MEI 2017 / 17 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PASUKAN BOLA TAMPAR WANITA JOHAN DI KEJOHANAN LIGA SUKAN UNTUK SEMUA (LISUS) 2017



PSUKAN ONLINE : Pasukan bola tampar wanita Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berjaya menjadi johan di Kejohanan Liga Sukan Untuk Semua (LISUS) Peringkat Negeri Kedah 2017 baru-baru ini bertempat di Dewan Kompleks Belia dan Sukan, Alor Setar, Kedah.

Pada awal perlawanan di peringkat kumpulan, UUM telah berjaya menundukkan pasukan Perkep A dengan mata 30-10, seterusnya perlawanan kedua UUM menang bertemu pasukan Baling VU dengan mata 30-22 dan perlawanan ketiga UUM menang bertemu pasukan JB Gojes dengan mata 30-5.

UUM layak ke peringkat suku akhir bertemu Phoenix dengan kemenangan 30-12.

Di peringkat separuh akhir pula, UUM telah berjaya menumpaskan pasukan GGVC dengan mata 30-10 untuk melayakkan diri ke peringkat akhir.

Berkat usaha dan kerjasama yang jitu, di peringkat akhir UUM berjaya mengalahkan pasukan Mix Z Team dengan mata 30-23 dan berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM2,000.00.

Pengarah Pusat Sukan mengucapkan sekalung tahniah kepada pasukan bola tampar wanita UUM.

Pasukan ini terdiri daripada pelajar-pelajar UUM dari semester 1,2,4 dan 6. Komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi di samping mentaliti yang kuat telah berjaya membuahkan hasil kepada pasukan bola tampar wanita UUM, katanya lagi.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.